

KONFLIK WANITA DALAM CERPEN-CERPEN TERPILIH MAWAR SAFEI

*TUAN RUSMAWATI RAJA HASSAN**
Universiti Malaysia Kelantan
rusmawati.rh@umk.edu.my

NOORATIKAH BT DAUD
Universiti Putra Malaysia
nooratikahdaud@gmail.com

**Pengarang Perantara*

ABSTRAK

Konflik merupakan suatu keadaan yang berkait rapat dengan situasi yang kurang menyenangkan antara satu sama lain terhadap sesuatu perkara, dan konflik juga boleh mendatangkan kesan yang baik dan juga buruk. Konflik boleh terjadi apabila ada pertentangan kepentingan dalam kalangan watak dan ia tidak hanya tercetus dalam kalangan manusia, bahkan terkadang boleh berlaku antara manusia dengan alam atau dengan bencana alam dan lain-lainnya. Tidak hanya lelaki, kaum wanita tidak terkecuali turut mengalami pelbagai konflik. Kajian ini mengenalpasti dan menganalisis konflik wanita dalam cerpen pilihan Mawar Safei. Cerpen yang menjadi mauduk kajian ialah “Virus Zel Untuk Abah” (1994) dan “Zel” (1997). Cerpen “Zel” misalnya merupakan tanggapan peribadi pengarang terhadap konflik wanita. Justeru, kajian ini dikerjakan menggunakan kerangka psikologi oleh Sigmund Freud untuk merungkai konflik yang mempengaruhi pemeragaan watak wanita. Pendekatan psikologi juga dikenali sebagai pendekatan yang menerokai alam dalaman atau alam batin manusia dan memahami sikap serta “kemanusiaan hidup”. Psikologi terbahagi kepada dua jenis iaitu konflik intrapersonal dan konflik interpersonal. Ditemukan, cerpen-cerpen ini memanfaatkan kedua-dua jenis konflik, misalnya konflik di tempat kerja, konflik dalam rumah tangga, konflik dalam diri dan konflik dalam keluarga. Ia diperagakan menerusi watak “Zel” dan “Aku”. Jelas menunjukkan bahawa Mawar Safei menggunakan wadah komunikasi massa iaitu cerpen sebagai alat dalam menyampaikan segala ideologi, pegangan dan pemikirannya terhadap wanita.

Kata Kunci: konflik wanita, psikologi, cerpen “Virus Zel Untuk Abah”, Cerpen “Zel”, Mawar Safei.

WOMEN'S CONFLICTS IN THE SELECTED SHORT STORIES OF MAWAR SAFEI

ABSTRACT

Conflict is a situation that is closely related to a situation that is less pleasant to each other about something, and conflict can also bring good and bad effects. Conflict can occur when there is a conflict of interests among characters and it does not only occur among humans, it can even sometimes occur between humans and nature or with natural disasters and others. Not only men, women are no exception also experience various conflicts. This study identifies and analyzes women's conflicts in Mawar Safei's selected short stories. The short stories that are the subject of the study are "Virus Zel Untuk Abah" (1994) and "Zel" (1997). The short story "Zel" for example is the author's personal response to women's conflict. Therefore, this study was conducted using the psychological framework by Sigmund Freud to unravel the conflicts that affect the portrayal of women's characters. The psychological approach is also known as an approach that explores the inner world or the inner world of humans and understands the attitude and "humanity of life". Psychology is divided into two types namely intrapersonal conflict and interpersonal conflict. It was found that these short stories make use of both types of conflict, for example conflict at work, conflict in the household, conflict in oneself and conflict in the family. It is demonstrated through the characters "Zel" and "Aku". It clearly shows that Mawar Safei uses the medium of mass communication which is the short story as a tool in conveying all his ideologies, beliefs and thoughts towards women.

Keywords: Women's conflict, psychology, short story "Zel Virus For Abah", short story "Zel", Mawar Safei.

PENGENALAN

Merujuk kepada konsep konflik, terdapat rencam tafsiran dalam kalangan sarjana. Konflik merupakan suatu keadaan yang berkait rapat dengan situasi yang kurang menyenangkan antara satu sama lain terhadap sesuatu perkara, dan konflik juga boleh mendatangkan kesan yang baik dan juga buruk (Amran Hassan, 2011). Konflik juga dapat dikatakan sebagai satu keadaan yang menimbulkan perselisihan atau pertentangan antara individu yang berlaku disebabkan oleh perbezaan idea dan pendapat antara satu sama lain (Nur Hanani Najwa Md Khari dan Che Abdullah Che Ya, 2018). Menurut Wellek dan Warren (1995:285) pula, konflik ialah sesuatu yang bersifat dramatik yang mengacu kepada pertarungan antara dua kekuatan yang seimbang dan adanya aksi dan aksi balasan. Konflik dalaman merupakan permasalahan yang berlaku kepada seorang watak atau tokoh yang berkaitan dengan rasa, keinginan, tuntutan dan juga harapan. Manakala konflik luaran pula merupakan permasalahan yang terjadi pada dua atau lebih watak yang mempertentangkan kekuasaan, hak milik, kebaikan seseorang atau seperti pertentangan Tri Rasa Setyaning (2011). Rahman Shaari (1985) pula menyatakannya sebagai satu keadaan kekacauan jiwa kerana masalah tertentu.

Meskipun begitu, istilah konflik sering kali diasosiasikan dengan pengertian negatif dengan keganasan atau ancaman kekerasan. Mana Sikana (2004:10) menganggap konflik sebagai pertentangan secara fizikal luaran ataupun peribadi dan dalaman yakni melibatkan manusia beradu kekuatan sesama manusia, manusia dengan binatang, manusia dengan alam dan sebagainya.

Wujudnya konflik menurut Dean Tjosvold (1993), disebabkan oleh manusia mempunyai keinginan yang berbeza yang mana boleh menghadirkan pertentangan antara satu sama lain kerana keinginan salah satu pihak tidak sesuai dengan keinginan pihak yang lain. Dalam mendefinisikan konflik, manusia perlu tahu mendeskripsikan punca yang memacu ke arah terhasilnya konflik tersebut kerana dengannya seseorang individu itu dapat menentukan keperluan yang diinginkan ataupun sebaliknya.

Tidak hanya kaum lelaki, wanita tidak dinafikan turut mengalami pelbagai konflik. Konflik yang dialami oleh wanita cuba diselami dan diperagakan oleh penulis wanita lewat karya-karya mereka. Dari satu sisi, dilihat bahawa pengarang wanita mempunyai tanggapan yang tersendiri terhadap pelbagai permasalahan yang tercetus akibat konflik. Pemerhatian dihalakan terhadap konflik wanita dalam cerpen terpilih Mawar Safei. Pengarang dikesani menyaring isu sosial iaitu pergolakan, konflik dan dendam kesumat yang berlaku dalam masyarakat misalnya di tempat kerja, dalam rumah tangga, dalam diri individu dan keluarga. Ia disampaikan pengarang menerusi pemeragaan watak-watak yang menempuh konflik ini secara bersendirian mahupun berkongsi perasaan dengan orang terdekat.

Berbicara tentang figura hebat Mawar Safei, beliau merupakan salah seorang penulis dan cerpenis wanita Malaysia. Beliau adalah anak kelahiran Singapura. Mawar Shafie dilahirkan pada 27 Februari 1971. Mawar Safei memiliki kelulusan Sarjana Sastera dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) sebelum melanjutkan pengajiannya di peringkat Ijazah Doktor Falsafah di National Institute of Education, Nanyang Technological University, Singapura. Antara kumpulan cerpen beliau ialah *Zel* (1998), *Montaj II* (2002) dan *Masitah* (2008). Beliau banyak memenangi hadiah dan anugerah sastera, antaranya Hadiah Sastera Utusan Melayu-Public Bank bagi tahun 1994, 1995, 1997, 1998 dan 1999, Hadiah Sastera Perdana Malaysia 1996/1997, Hadiah Sastera Esso-GAPENA X, Hadiah Sastera Berunsur Islam IX 1996, Hadiah Sastera Darul Ta'zim II (1999), IV (2003), V (2005) dan Hadiah Sastera Sempena Bulan Budaya Pulau Pinang 1996. Antara pengiktirafan terbesar yang dianugerahkan kepada Mawar Safei sepanjang keterlibatan beliau dalam arena persuratan adalah Anugerah S.E.A Write (2018) dan Anugerah Akademik Negara (2019).

Kajian ini antara lain ingin mengangkat cerpen-cerpen Mawar Safei iaitu “Virus Zel Untuk Abah” dan cerpen “Zel” sebagai mauduk kajian. Cerpen-cerpen ini antara lain memperlihatkan kecenderungan Mawar Safei dalam memperlihatkan konflik-konflik yang terdapat pada watak dan peristiwa yang dipaparkan.

Cerpen “Virus Zel Untuk Abah” merupakan antara cerpen awal yang menonjolkan bakat Mawar Safei dalam bidang penulisan. Jika dilihat, penulisan awal Mawar Safei adalah berdasarkan pemerhatian yang menggabungkan pengalaman, imaginasi dan kreativitinya. Misalnya, cerpen “Virus Zel Untuk Abah” merupakan karya yang kreatif yang sarat dengan penggunaan gaya bahasa. Pernyataan ini selari dengan kenyataan beliau dalam *Inilah Karangan Saya: Narasi dalam Penciptaan Cerpen* (2014). Pemilihan diksi bukan sahaja perlu tepat tetapi mampu menimbulkan kesan mendalam terhadap makna yang cuba disampaikan. Begitu juga dengan cerpen “Zel” yang memperlihatkan penggunaan perkataan dan istilah yang digunakan adalah bersesuaian dan melambangkan kekreatifan dalam penulisan.

Sebagai seorang penulis muda (pada waktu itu), sikap gemar bereksperimentasi terutamanya dari aspek kebahasaan akhirnya membuahkan tuaian yang lumayan. Cerpen “Virus Zel Untuk Abah” misalnya pernah memenangi Anugerah Hadiah Kumpulan Utusan pada tahun 1994 dan antologi Puyan Jelepek (1995). Cerpen ini juga menjadi teks wajib pelajar tingkatan lima untuk mata pelajaran Bahasa Melayu yang dihimpunkan bersama karya lain dalam Kerusi. Manakala

cerpen “Zel” pula pernah memenangi Hadiah Sastera Perdana Malaysia (1996), Hadiah Sastera Utusan Melayu-Public Bank (1997) dan Wacana Hitam Putih (1998).

Justeru, dapat dikatakan bahawa sastera merupakan wadah untuk berkomunikasi dengan bidang-bidang lain. Ia berkembang sesuai dengan perubahan masyarakat di mana ia “hidup”. Karya sastera merupakan komunikasi antara sasterawan dan pembacanya. Hal ini kerana, pengarang mengungkapkan segala ideologi, pegangan dan pemikirannya lewat karya. Pengarang juga menyampaikan idea yang tidak dapat dipisahkan dari latar belakang dan lingkungannya. Dalam perspektif sosiologi sastera, karya sastera merupakan “cerminan” kehidupan masyarakat. Hal ini bermaksud, segala apa yang dipaparkan dalam karya merupakan gambaran realiti yang berlaku dalam masyarakat. Shamsudin A. Rahim (2001) menjelaskan bahawa, kandungan karya sastera mengandungi norma, nilai dan gaya hidup orang-orang Melayu yang seharusnya dikekalkan serta diwarisi oleh generasi akan datang. Sastera diciptakan oleh pengarang kreatif yang bebas memberikan “warna” pada karyanya. Kebebasan ini berkaitan dengan tujuan pengarang. Berawal dari tujuan ini, karya sastera kemudiannya mewujudkan komunikasi antara pengarang kepada khalayak. Mesej disampaikan secara berseni melalui konflik-konflik yang dicituskan pengarang.

Pendekatan psikologi dilihat sesuai dalam menganalisis kedua-dua cerpen ini. Psikologi juga merupakan salah satu ilmu moden tentang penelitian berkaitan jiwa manusia yang diperkenalkan pada abad ke-15 (Basri Ibrahim, 2015:1). Dalam Bahasa Arab, ia diterjemahkan sebagai ilmu *al-nafsi*. Psikologi dapat difahami sebagai segala teori yang berhubung dengan aspek kejiwaan (Abdul Mua’ti@Zamri Ahmad, 2016). Dapat dilihat bahawa konflik yang diketengahkan dalam kedua-dua cerpen ini merupakan tanggapan peribadi pengarang terhadap wanita. Segala pengalaman yang dirasai pengarang dibentangkan menerusi pemeragaan watak.

PENELITIAN LITERATUR

Meninjau kembali sorotan kajian, ia berfokus kepada konflik watak. Kebanyakan hasil penelitian dikerjakan sarjana menerusi tulisan kritikan. Hasil tinjauan ini memberi ruang untuk mencari maklumat tambahan dan menggali perspektif yang belum diterokai. Jika ditelusuri kajian yang dilakukan para sarjana terhadap konflik, didapati banyak kajian yang menjurus kepada novel. Manakala kajian secara khusus terhadap psikologi dan konflik dalam cerpen dikesani masih kurang.

Hasmawani Muhammad (2012) lewat “Konflik Intrapersonal dan Interpersonal dalam Novel *Daun*” misalnya melakukan penelitian terhadap konflik dari sudut psikologi. Konflik yang cuba dihuraikan dalam kajian ini merangkumi dua jenis iaitu konflik interpersonal dan intrapersonal. Ia ditimbulkan menerusi perasaan tidak puas hati terhadap isu yang berlaku dalam kalangan masyarakat kini seperti penyelewengan kuasa, pergolakan politik, perbezaan pandangan agama, kerosakan terhadap ekosistem alam dan hak ketuanan Melayu. Kajian mendapati, kedua-dua konflik ini tercetus akibat wujudnya persoalan berkaitan kepercayaan agama, politik dan sosial.

Damayanti Wardyaningrum (2013) dalam kajiannya yang berjudul “Komunikasi Untuk Penyelesaian Konflik dalam Keluarga: Orientasi Percakapan dan Orientasi Kepatuhan”. Kajian ini bertujuan meneliti penyelesaian konflik dalam komunikasi antara keluarga dengan berorientasi pada percakapan dan berorientasi percakapan pada kepatuhan. Konsep dalam kajian ini merujuk kepada komunikasi keluarga dan konsep konflik. Kajian membataskan kepada remaja usia sekolah menengah atas, lelaki dan wanita yang tinggal bersama orang tua dengan menggunakan kaedah wawancara. Kajian mendapati remaja lebih menggemari penyelesaian konflik dengan

berorientasikan percakapan berbanding orang tua yang menyelesaikan konflik dengan berorientasikan kepatuhan terutama dalam menghadapi masalah sekolah dan masa depan anak. Remaja dan juga orang tua yang berkomunikasi dengan orientasi kepatuhan dilihat sering menimbulkan konflik. Oleh itu, penelitian kajian memperlihatkan konflik remaja dapat diselesaikan dengan menggunakan orientasi percakapan berbanding orientasi kepatuhan.

Seterusnya, tumpuan dihalakan ke atas kajian Mawar Safei (2015) yang bertajuk “Konflik Komunikasi dari Bercak ke *Menongkah Lumrah* Karya Azmah Nordin”. Makalah ini bertujuan untuk meneliti ketekalan rumus “wanita yang ditampilkan, wanita yang dimenangkan” dalam novel *Menongkah Lumrah*. Kajian akan membincangkan konflik komunikasi yang melibatkan teknologi digital atau *IT* dalam latar keusahawan. Hasil kajian mendapati Azmah Nordin mengaplikasikan latar dan istilah khususnya isu virus dan anti-virus mewakili konflik komunikasi. Oleh yang demikian, rumus yang diaplikasikan dalam kajian memperlihatkan keseriusan menerusi pertelingkahan watak melalui komunikasi yang berdialog dalam kesaksamaan gender atau nilai kemanusiaan.

Kajian yang dilakukan oleh Faziela Abu Bakar@ Che Din dan Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi (2016) yang bertajuk “Unsur Konflik dalam Novel Remaja Terpilih”. Kajian ini dilakukan bertujuan membicarakan tentang konflik remaja dalam novel-novel terpilih iaitu novel *6:20* karya Siti Jasmina Ibrahim, novel *Azfa Hanani* karya Halis Azhan Mohd Hanafiah dan novel *Merenang Gelora* karya Ruslan Ngah. Kajian ini membataskan kepada permasalahan dalam kalangan remaja yang akan dilihat berdasarkan perspektif Teori Humanistik oleh Abraham Maslow. Teori Humanistik Abraham Maslow dilihat mengandungi kaitan dengan aspek personaliti di samping menitikberatkan andaian bersifat motivasi dan menganggap motivasi adalah suatu yang kompleks yang merujuk kepada tingkah laku luaran yang diperlihatkan oleh seseorang individu. Dikesani, teks ini mengandungi beberapa konflik antaranya konflik dalam diri, konflik dalam keluarga dan konflik rakan sebaya. Hasil penelitian mendapati konflik yang berlaku dalam kalangan watak mampu ditangani oleh remaja. Sehubungan itu, konflik merujuk kepada sesuatu yang kebiasaannya berlaku atau normal dan remaja seharusnya bijak dalam menyelesaikan konflik tersebut.

Masyithah Maghfirah Rizam (2016) dalam kajiannya yang bertajuk “Konflik dalam Cerpen Anak-anak Majalah Bobo dan Implementasinya dalam Pembelajaran Apresiasi Prosa dan Fiksi”. Kajian ini bertujuan membicarakan konflik dalam cerpen kanak-kanak dan pelaksanaannya dalam pembelajaran penghayatan fiksyen. Kajian telah meneliti konflik kanak-kanak dalam cerpen yang terdiri daripada konflik dalaman dan juga konflik luaran. Didapati konflik yang terdapat dalam cerpen majalah boleh dikaitkan dan dilaksanakan dalam pembelajaran di samping para pelajar boleh menguruskan diri sendiri. Sehubungan itu, penyelesaian konflik dalam cerpen diteliti menerusi seseorang yang mengalami masalah dan mampu menyelesaikannya.

Kajian seterusnya meneliti menerusi kajian yang dilakukan oleh Rizky Ade Prayoga dan Aris Wuryantoro (2017) bertajuk “Konflik Batin dan Perwatakan Pada Tokoh Ahmad Karaeng dalam Novel *Rindu Karya Tere Liye: Pendekatan Psikologi*”. Kajian dilakukan bertujuan untuk mengkaji konflik batin dan perwatakan tokoh Ahmad Karaeng dalam novel *Rindu* karya Tere Liye berdasarkan pendekatan psikologi sastera. Kajian akan menjelaskan berkaitan perwatakan watak utama iaitu Ahmad Karaeng dalam novel *Rindu*. Kajian mendapati konflik batin pada watak utama merujuk kepada konflik internal atau lebih dikenali sebagai konflik batin dan kejiwaan. Oleh yang demikian, penelitian kajian menggunakan novel ini dikatakan dapat meningkatkan dan menganalisis teks dengan baik di samping mengaplikasikan dalam kehidupan seharian.

Pengamatan diteruskan dengan kajian yang dilakukan oleh Norazlina Mohd Kiram, Raja Mashitah Raja Ariffin dan Jama'yah Zakaria (2017) yang berjudul "Gaya Pengurusan Konflik dan Kesannya Terhadap Institusi Kekeluargaan dalam Novel *Saga*". Kajian dilakukan bertujuan untuk mengenalpasti gaya pengurusan konflik serta kesannya kepada institusi kekeluargaan dan merumuskan gaya pengurusan konflik yang boleh mengelakkan berlakunya perpecahan dalam keluarga. Konflik dalam kajian ini berlaku akibat daripada perbezaan matlamat, persepsi individu dan nilai. Dalam menangani konflik sebegini, konflik boleh diselesaikan dengan menggunakan gaya pengurusan konflik yang sesuai bergantung pada persepsi seseorang individu terhadap konflik dengan melihatnya sebagai sesuatu yang positif, negatif atau peluang untuk menjadi lebih kreatif. Data kajian dianalisis menerusi sembilan peristiwa yang terdapat dalam novel *Saga* karya Abdul Talib Mohd. Hassan dengan menggunakan kaedah kualitatif dan kaedah analisis kandungan. Kajian akan menggunakan pendekatan Teori Pengurusan Air Muka Ting-Toomey dengan memberi tumpuan kepada gaya pengurusan konflik. Hasil penelitian mendapati konflik yang berlaku adalah kerana perasaan aib dan malu yang telah menjejaskan air muka seseorang individu atau keluarga. Didapati gaya pengurusan konflik akan memberi kesan positif dan negatif terhadap hubungan kekeluargaan. Oleh yang demikian, isu keluarga yang berlaku menjadikan seseorang individu rasional dan berfikir menggunakan akal dalam menyelesaikannya.

Kajian oleh Nur Hanani Najwa binti Md. Khairi dan Che Abdullah Che Ya (2018) yang bertajuk "Analisis Konflik dalam *Lara: Satu Pendekatan Psikologi*" cuba memperlihatkan konflik intrapersonal iaitu konflik dalaman yang melibatkan diri individu dan konflik interpersonal iaitu konflik yang berlaku antara individu dengan individu lain dalam novel *Lara* karya Azmah Nordin. Kajian akan menekankan pendekatan psikologi yang diasaskan oleh Sigmund Freud. Hasil kajian mendapati konflik intrapersonal dan konflik interpersonal wujud melalui watak-watak dalam novel *Lara* oleh Azmah Nordin. Konflik yang berlaku adalah disebabkan isu-isu yang berlaku di sekeliling terutama isu korupsi dalam dunia perubatan. Sehubungan itu, segala isu yang diketengahkan dalam novel *Lara* merupakan isu-isu yang berlaku dalam masyarakat yang dilihat mampu membuka mata masyarakat khususnya dalam dunia perubatan.

Rosnani Md Zain dan Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi (2018) dalam kajiannya bertajuk "Unsur Konflik dalam Novel *Nenek* Karya Razali Endun". Kajian ini akan merungkaikan konflik dalam novel *Nenek*. Novel yang dipilih telah memenangi Hadiah Sastera Perdana Malaysia pada tahun 2014. Kajian ini mempunyai dua objektif iaitu mengklasifikasi dan menganalisis unsur-unsur konflik dalam novel *Nenek* yang akan dilihat mengikut perspektif humanistik oleh Abraham Maslow. Teori Humanistik Abraham Maslow digunakan bagi memperlihatkan manusia sebagai insan yang baik dan mulia serta mempunyai dorongan semulajadi bagi memperoleh kesempurnaan sendiri. Hasil penelitian mendapati konflik dalam novel *Nenek* menyentuh beberapa aspek iaitu konflik dalam individu, konflik keluarga, konflik politik dan konflik ekonomi. Kajian mendapati pengarang berjaya menggambarkan kehidupan masyarakat kontemporari yang dapat dilihat menerusi pemaparan konflik semasa dalam novel. Oleh yang demikian, isu yang dikemukakan dalam novel *Nenek* ini menggambarkan realiti zaman masyarakat secara menyeluruh.

Nor Hasimah Ismail, Nordiana Ab. Jabar, Rafizah Mohd Rawian dan Marzalina Mansor (2018) dalam kajiannya berjudul "Karya Indie: Konflik Remaja Perempuan". Kajian ini dilakukan bertitik tolak daripada permasalahan konflik yang dialami oleh remaja dalam usaha untuk mengumpul dana MRSM. Kajian ini menerapkan pendekatan Konflik dalam menyelesaikan masalah. Kajian membataskan kepada novel Indie yang bertajuk *So My Liar* karya Putraery Ussin. Hasil kajian mendapati terdapat faktor utama yang meliputi konflik bertindak agresif, tanda konflik tersembunyi dan konflik berselindung dan agresif. Didapati seseorang remaja yang mengalami

konflik harus mengikut ajaran Islam dan meninggalkan segala larangan. Sehubungan itu, penyelesaian konflik mengikut ajaran Islam membantu seseorang bertindak rasional bukan emosional.

Zulfikar Alamsyah (2020) dalam Jurnal Kajian Bahasa yang bertajuk “Konflik Psikologis Tokoh Utama dalam Novel *Budak Teuneung* Karya Samsuedi”. Kajian ini dilakukan bertujuan untuk menjelaskan fakta cerita, karakter tokoh utama dan bentuk konflik psikologis yang berlaku kepada anak yatim. Metod yang digunakan dalam kajian adalah metod deskriptif dengan menggunakan teknik membaca serta mencatat. Hasil dapatan mendapati tiga hal iaitu fakta cerita, tokoh utama novel dan konflik psikologis oleh tokoh utama. Konflik psikologi yang dialami tokoh utama memperlihatkan konflik *approach-avoidance* lebih dominan setelah ditinggalkan ayahnya. Oleh itu, konflik yang berlaku menyebabkan adanya motif positif dan negatif dalam diri.

Bertolak kepada kajian lepas yang dilakukan oleh para sarjana, dikesani banyak kajian berkisar tentang konflik dalam sastera terutamanya genre novel. Namun, tidak banyak difokuskan kepada karya sastera genre cerpen. Oleh yang demikian, kajian ini akan mengisi kelompongan yang sedia ada untuk mengkaji konflik-konflik yang terdapat dalam cerpen-cerpen terpilih Mawar Safei.

METODOLOGI KAJIAN

Makalah ini menggunakan kaedah kualitatif. Bogdan dan Taylor dalam Moleong (2004:4) menjelaskan kaedah kualitatif merupakan satu prosedur penelitian yang telah menghasilkan data deskriptif berupa kata-kata bertulis mahupun lisan yang diperoleh dari orang yang berperilaku atau perilaku yang diperoleh. Mohd Shaffie (1991) menjelaskan kaedah kepustakaan menjadi satu kaedah yang dilakukan oleh para penyelidik bertujuan untuk mendapatkan data dan bukti berdasarkan kajian sedia ada. Oleh yang demikian, data kualitatif dalam kajian ini merupakan bahan rujukan berkaitan konflik. Teks kajian diperoleh dari Perpustakaan dan Pengurusan Ilmu, Universiti Malaysia Kelantan (Kampus Bachok), artikel jurnal, koleksi peribadi, latihan ilmiah dan sumber dari laman sesawang.

Kaedah seterusnya yang digunakan adalah kaedah analisis teks. Kaedah analisis teks sebagaimana yang dijelaskan oleh Syed Arabi Idid (1998: 106) adalah teknik penyelidikan yang mempunyai bentuk komunikasi lahiriah yang dilakukan secara sistematik dan jelas. Kaedah ini akan menganalisis, memahami dan meneliti isi kandungan teks untuk mendapatkan data yang diperlukan dalam kajian. Kaedah ini juga dilakukan bagi mengetahui secara mendalam tentang konflik yang berlaku terhadap sesuatu situasi dalam teks yang dikaji. Sehubungan itu, penelitian ini dilakukan terhadap cerpen “Virus Zel Untuk Abah”(1994) dan “Zel”(1997).

TEORI PSIKOLOGI SIGMUND FREUD (1856-1939)

Makalah ini bakal tekuni menggunakan pendekatan psikologi. Kajian ini bertujuan mengungkapkan konflik-konflik yang terdapat dalam cerpen-cerpen terpilih karya Mawar Safei. Konflik-konflik ini dilihat sesuai dikaitkan dengan pendekatan psikologi. Pendekatan psikologi diasaskan oleh tokoh neurologi Austria serta pengasas psikoanalisis (sub bidang psikologi) iaitu Sigmund Freud. Beliau juga merupakan tokoh psikologi yang sangat deterministik dan telah mendahului dengan pemikiran-pemikiran ilmiah dalam bidang psikologi. Kesungguhan dan kerajinan beliau menghasilkan dapatan-dapatan telah dipraktikkan sendiri oleh Freud di klinik persendirian dan ianya didapati berkesan (Sapora & Ruhaya, 2012). Pendekatan psikologi juga

dikenali sebagai pendekatan yang menerokai alam dalaman atau alam batin manusia dan memahami sikap dan kemanusiaan hidup.

Umumnya, psikologi merupakan kajian berkaitan roh, jiwa serta dorongan dalaman manusia yang mempengaruhi tingkah laku. Mana Sikana (1998:158) menjelaskan bahawa psikologi membolehkan seseorang individu meneroka alam batin manusiawi untuk memahami kemanusiaan dan sikap hidup yang diterjemahkan dalam bentuk karya oleh pengarang. Menurut Ma'rof Redzuan (2004: 2) pula, psikologi dikhususkan kepada ilmu yang mengkaji proses mental dan tingkah laku individu. Psikologi terbahagi kepada dua jenis iaitu konflik intrapersonal dan konflik interpersonal.

Konflik intrapersonal tergolong dalam konflik dalaman yang berlaku dalam diri seseorang individu. Hal ini sesuai dengan pernyataan Sarwono S.S (2002: 54) yang berpendapat bahawa, konflik intrapersonal merupakan konflik yang terdapat dalam diri sendiri dimana adanya pertentangan yang muncul dalam diri dan nilai serta tuntutan luaran. Konflik intrapersonal boleh disifatkan sebagai “konflik yang berlaku seorang diri” tanpa melibatkan individu lain dan juga berlaku pada individu yang tidak berkemampuan untuk membuat pilihan sehingga dibelenggu dilema dalam menentukan kepentingan, kewajaran serta keutamaan. Konflik intrapersonal ini akan melibatkan perasaan rasa ketidakpuasan hati yang ada dalam diri seseorang individu terhadap sesuatu peristiwa yang berlaku tanpa melibatkan campur tangan orang lain. Perasaan tidak puas hati yang timbul hanya akan terpendam tanpa diluahkan menyebabkan emosi seseorang terganggu dan mengakibatkan berlakunya konflik. Konflik yang timbul akan mewujudkan pelbagai perasaan iaitu marah, dendam, benci, tidak puas hati dan sebagainya.

Konflik interpersonal pula merupakan konflik yang berlaku antara satu individu dengan individu yang lain. Umumnya, konflik interpersonal merupakan proses komunikasi yang berlaku antara individu dalam situasi yang membolehkan individu berinteraksi antara satu sama lain secara terus atau lebih tepat dikenali sebagai interaksi dua hala (Faridah & Lilia Halim, 2002). Konflik interpersonal juga dikenalpasti sebagai komunikasi yang boleh menimbulkan perselisihan, perbezaan dan pertelingkahan antara dua individu atau lebih. Hal ini sesuai dengan pernyataan Floyd Kory (2009) yang menjelaskan konflik interpersonal merupakan perselisihan antara dua pihak dan saling bergantung serta merasakan kesukaran mendapatkan sumber, perbezaan matlamat dan gangguan dari individu lain dalam mencapai satu matlamat. Perselisihan antara dua individu yang berlaku akan menyebabkan berlakunya konflik-konflik sehingga menyebabkan pelbagai perasaan yang timbul seperti marah, sedih, geram, tertekan dan sebagainya. Mohd Foad Sadkan (2005: 18-19) menjelaskan bahawa peranan yang tidak selaras antara konflik intra individu dengan konflik antara kumpulan serta tekanan persekitaran yang dihadapi akibat persaingan akan mengakibatkan berlakunya konflik.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Konflik intrapersonal dikenali sebagai konflik yang berlaku terhadap diri sendiri (*inner conflict*) tanpa melibatkan mana-mana individu. Konflik terhadap diri sendiri merupakan antara konflik yang kebanyakannya terjadi kepada masyarakat. Rahman Shaari (1985:52) menjelaskan konflik dalam diri didefinisikan sebagai suatu situasi kekacauan perasaan disebabkan oleh masalah-masalah tertentu. Mana Sikana (2004:10) pula beranggapan konflik dalam diri adalah pertentangan peribadi mahupun dalaman yang terdapat dalam diri manusia apabila terpaksa memilih antara satu atau dua. Konflik yang berlaku menyebabkan adanya motif positif dan negatif dalam diri (Zulfikar Alamsyah, 2020). Konflik dalam diri berlaku pada seseorang individu dikhuatiri boleh

menimbulkan perasaan marah, benci, geram dan tidak puas hati (Hasmawani Muhammad, 2012). Konflik dalaman pada watak utama merujuk kepada konflik internal atau lebih dikenali sebagai konflik batin dan kejiwaan (Rizky Ade Prayoga dan Aris Wuryantoro, 2017). Nur Hanani Najwa binti Md. Khairi dan Che Abdullah Che Ya (2018) juga menekankan pendekatan psikologi yang diasaskan oleh Sigmund Freud dalam meneliti unsur konflik dalam novel *Lara*. Masyithah Magfirah Rizam (2016) turut meneliti konflik kanak-kanak dalam cerpen yang terdiri daripada konflik dalaman dan juga konflik luaran. Ditemukan, wujud konflik intrapersonal dalam cerpen “Virus Zel Untuk Abah”.

Umum mengetahui bahawa penceraian banyak mendatangkan kesan buruk kepada institusi kekeluargaan terutama sekali anak-anak. Dari kasih sayang yang sudah berbahagi dengan orang lain, perebutan hak penjagaan sehinggalah kegagalan dalam memberikan nafkah dikatakan menyumbang kepada gangguan emosi anak-anak. Sehingga pada suatu tahap rasa itu sudah tidak dapat dibendung lagi dan terpancar menerusi tingkahlaku mereka. Faktor utama yang meliputi konflik bertindak agresif, tanda konflik tersembunyi dan konflik berselindung dan agresif (Nor Hasimah Ismail et al, 2018). Didapati, watak Zel memendam perasaan tidak puas hati kerana memikirkan ibu bapanya yang sudah bercerai dan keluarga yang sudah tidak harmoni, misalnya pada halaman 31:

“...Aku mengenggam erat kelima-lima jari kanan. Pun begitu kuhentak meja, melepaskan geram. Ah! Segala-galanya sungguh kejam! Mengapa semuanya itu harus menimpa aku yang tidak berdaya. Aku yang kerap mendengus bila menerima hempapan konkrit rumit. Tapi sejurus itu kata-kata seorang teman yang sedia menyua harapan dan ketenteraman luhur yang tak terhingga menyinggah...”

Konflik intrapersonal ini diperlihatkan apabila Zel melepaskan perasaan yang menghenyak pundaknya dengan menghentak meja sambil merungut tentang dugaan menimpa dirinya yang tiada daya. Walaupun digambarkan rakan Zel cuba meredakan keadaan, namun Zel tetap mengabaikannya. Bagi Zel, orang lain tidak berada ditempatnya dan merasai kehidupan yang sama. Justeru, inilah yang menyebabkan Zel sentiasa berkonflik dengan dirinya sendiri, malahan secara halusnyanya dengan Tuhan yang dituduh sebagai “tidak adil”. Dalam menangani konflik keluarga, konflik boleh diselesaikan dengan menggunakan gaya pengurusan konflik yang sesuai bergantung pada persepsi seseorang individu terhadap konflik dengan melihatnya sebagai sesuatu yang positif, negatif atau peluang untuk menjadi lebih kreatif (Norazlina Mohd Kiram, Raja Mashitah Raja Ariffin dan Jama'yah Zakaria, 2017).

Konflik interpersonal pula merujuk kepada konflik yang berlaku antara individu dengan individu yang lain. Hasil penelitian mendapati konflik dalam novel *Nenek* menyentuh beberapa aspek iaitu konflik dalam individu, konflik keluarga, konflik politik dan konflik ekonomi (Rosnani Md Zain dan Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi, 2018). Konflik interpersonal dalam cerpen “Virus Zel Untuk Abah” dan cerpen “Zel” dapat dilihat melalui pertentangan konflik terhadap keluarga, pegawai atasan dan rakan.

Dalam Islam, suami atau isteri wajib menjaga aib pasangan masing-masing dan tidak menceritakan masalah rumah tangga kepada pihak ketiga, kecuali untuk mendapatkan nasihat. Menurut *Kamus Dewan Bahasa Edisi Keempat*, aib merujuk kepada rasa hina atau malu akibat perbuatan keji oleh seseorang sehingga merosakkan nama baik individu, keluarga atau masyarakat. Allah swt berfirman, “*Mereka (isteri-isterimu) merupakan pakaian bagimu dan kamu merupakan pakaian bagi mereka*” (Surah al-Baqarah, ayat 187). Sekiranya salah seorang pasangan mendedahkan aib pasangannya, perbuatan itu persis membiarkan diri tanpa berpakaian yakni mendatangkan malu dan mencalarkan maruah.

Tindakan ibu Zel yang seakan tidak pernah menyalahkan ayahnya malahan meletakkan kelemahan itu ke atas dirinya sendiri sebagai penyebab kepada perceraian. Remaja lebih menggemari penyelesaian konflik dengan berorientasikan percakapan berbanding orang tua yang menyelesaikan konflik dengan berorientasikan kepatuhan (Damayanti Wardyaningrum, 2013). Berbeza dengan ayahnya yang sering menunding jari kepada ibunya menyebabkan Zel sering berkonflik dengan ayahnya dan mempunyai tanggapan yang tertentu terhadap lelaki, sehinggakan berhasrat untuk memusnahkan Program ZQ1308 milik keluarga barunya misalnya nenerusi “Virus Zel Untuk Abah” halaman 31:

“...Abah tidak dapat berbuat apa-apa. Ma Zel terlalu keras. Abah tak dapat lagi membentuknya sebagai isteri abah. Ma Terlalu keras...”

Setiap manusia dilahirkan dengan kekurangan dan kelebihan masing-masing. Tiada yang bersifat sempurna di dunia ini. Seorang isteri merupakan pelengkap kepada suami dan begitulah sebaliknya. Justeru, faktor kelemahan itu harus menjadi kunci agar pasangan lebih peka, menerima dan menyesuaikan dengan kelebihan yang ada untuk menjamin keharmonian dalam rumah tangga.

Kegagalan pertama dalam membina rumah tangga yang bahagia tidak bermakna tiada harapan untuk mengecapi kebahagiaan buat kedua kalinya. Namun begitu, bagi anak-anak, wujud cabaran dalam penyesuaian serta penerimaan “keluarga baru” sehingga ia melumpuhkan usaha pasangan dan keluarga tiri dalam cubaan memperkukuhkan hubungan antara dua keluarga. Dalam konteks ini, Zel dibelenggu perasaan geram terhadap keluarga tirinya yang tidak begitu akrab dan menerima dengan dirinya. Zel juga didapati sangat membenci keluarga tirinya yang dirasakan menjadi punca perpecahan dalam keluarganya, sebagaimana yang diperagakan lewat “Virus Zel Untuk Abah” halaman 36;

“Bagi aku Aunt Pah sekeluarga yang telah mencipta segala malapetaka dalam keluargaku dengan mencuri abah dari kami. Tapi dalam andaian buruk itu rupanya mama... Oh! Mama!. Dagu kusangkut pada bahu mama. Aku masih terkedu. Cuba ku usir jauh-jauh nama Arif yang menyambutku di lawang rumah abah awal pagi tadi dengan wajah hodohnya. Cuba kulempar jauh-jauh cebikan Aman bila kuceritakan tawaran yang kuterima untuk ke U.K”.

Zel sentiasa berkonflik dan beranggapan keluarga tirilah yang telah memusnahkan keluarganya. Andaian tersebut bagaimana pun ditepis ibunya dengan nasihat-nasihat yang penuh hikmah demi menjernihkan keadaan. Ibu Zel digambarkan sebagai watak ideal yang mampu mengekang Zel dari berfikir atau berbuat sesuatu yang tidak baik. Sebagai umat Islam yang berpegang teguh kepada Rukun Iman, kita wajib percaya dengan qada’ dan qadar yang telah ditetapkan oleh Allah sebagaimana firman Allah dalam Surah al-Ra’d ayat 8, “*Dan segala sesuatu itu di sisi Tuhan adalah ketentuan takdir*”.

Dalam menghadapi isu perceraian keluarga, faktor persekitaran sosial boleh memberi kesan secara hubungan timbal balas terhadap proses pembentukan tingkah laku dan jati diri anak-anak. Faktor-faktor persekitaran sosial yang dikenal pasti memberikan kesan yang cukup signifikan dalam pembentukan jati diri individu adalah terdiri daripada ibu bapa, rakan sebaya, sekolah dan guru dan media massa. Namun begitu, dalam konteks cerpen “Virus Zel Untuk Abah”, Zel menghadapi konflik terhadap persekitaran yang seakan mengasak emosi yang sedia renyuk, misalnya pada halaman 32;

“...Sesungguhnya sejak dulu lagi lubuk hatiku terbeban dengan saratnya timbunan persoalan tentang mama abah. Malah kurang lebih lewat 10 tahun lalu aku mula mencipta, menggadai, menafsiri tentang mereka. Apa lagi dengan keresahan dan nanarnya aku bagi memastikan jawapan terbaik untuk kawan-kawan sekolah yang kerap menujah aku dengan deretan soalan yang

menyentuh, menggigit dan menghiris malah harus saja menyeksa perasaan anak gadis seperti aku yang tidak mengerti apa-apa ketika itu”.

Menghadapi situasi perpecahan dalam keluarga sedari kecil sangat membutuhkan sokongan yang menyumbang kepada kestabilan emosi, kesihatan mental serta pembentukan sahsiah yang baik dari keluarga, rakan dan masyarakat. Teori Humanistik Abraham Maslow dilihat mengandungi kaitan dengan aspek personaliti di samping menitikberatkan andaian bersifat motivasi dan menganggap motivasi adalah suatu yang kompleks yang merujuk kepada tingkah laku luaran yang diperlihatkan oleh seseorang individu (Faziela Abu Bakar@ Che Din dan Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi, 2016). Pembentukan keperibadian seseorang didorong oleh pelbagai pengaruh yang wujud dalam persekitaran kehidupan manusia seperti mana yang dijelaskan dalam al-Quran, Surah al-Shams, ayat 8, “*Maka Dia mengilhamkan kepadanya (jalan) kejahatan dan ketakwaannya, sungguh beruntung orang yang menyucikannya (jiwa itu), dan sungguh rugi orang yang mengotorinya*”.

Merujuk kepada konflik di tempat kerja pula, dikatakan bahawa peranan wanita dalam sektor industri seakan dinafikan dan sering berhadapan dengan diskriminasi (Winnie Simun dan Azizan Morshidi, 2017). Diskriminasi diertikan sebagai layanan yang tidak adil kepada individu tertentu disebabkan oleh perbezaan yang ketara. Dalam konteks cerpen “Zel”, watak Aku diperagakan sering berhadapan dengan konflik gender dengan pegawai atasan yang bersifat *bias* terhadap lelaki, misalnya pada halaman 58:

“...Kau pun tahu Zel, ketuaku itu menghadapi tekanan yang begitu merengsakan selepas kematian anak gadis kesayangannya. Anak gadis tunggalnya. Dan aku yang termuda di jabatan, mungkin seusia dengan arwahnya, menjadi mangsa. Semua yang kulakukan nampaknya bodoh di mata ketuaku itu. Aku dimaklumkan sebelum ini projek ekskavasi di tapak istana lama itu dijalankan oleh arwahnya. Ah! Gila aku dibuatnya, Zel. Gila! Aku tidak mahu jadi ribut pasir dalam diari ketuaku itu. Sebaliknya aku juga tidak mahu dia jadi ribut pasir yang maha ganas dalam hidup harianku di pejabat. Aku amat menyayangi kerjaku, Zel. Aku serius. Tapi aku tidak mahu akhirnya nanti aku berjumpa warna merah dan kuning di hujung nafasku nanti. Oh, *come on*, aku bukan anak dia!...”

Isu diskriminasi terhadap wanita sememangnya menjadi barah dalam masyarakat. Isu tersebut semakin serius sehingga melibatkan kenaikan pangkat, pengambilan pekerja dan keadaan di tempat kerja (Oskamp & Costanzo, 1993). Kesedaran kaum wanita terhadap isu ini akhirnya membawa kepada kemunculan golongan feminis Barat yang memperjuangkan hak dan kesamarataan wanita dalam bidang pekerjaan. Jika dilihat dari sudut konsep keserataan gender, jelas ditemukan perbezaan ketara antara perspektif Islam dan Barat. Masyarakat Islam pada zaman Rasulullah saw misalnya menitikberatkan soal keadilan gender dan mengangkat kaum wanita. Justeru penyebaran idea-idea dan perjuangan golongan feminisme Barat dalam kalangan masyarakat Islam di Malaysia seringkali menimbulkan kecelaruan pemikiran sementara wujudnya perbezaan agama, budaya dan cara hidup antara keduanya.

Di sudut lain, pengarang Melayu kebanyakannya mencabar kreativiti dan imaginasi mereka dengan membenteng kembali apa yang berlaku dalam dunia sebenar. Pertelingkahan (conflict) yang terjadi dalam masyarakat sering pula menjadi sumber ilham mereka dalam gubahan karya sastera.

Dikesani Mawar Safei juga merupakan antara pengarang yang mempunyai kesendengan memasukkan latar bidang yang pelbagai (multi disiplin) dalam mencorakkan warna karyanya. Hal ini dikerjakan Mawar Safei untuk bereksperimen secara kreatif-imaginatif dalam mencorak kepengarangannya yang tersendiri.

Cerpen “Virus Zel Untuk Abah” antara lain mengangkat latar komputer menerusi penggabungan latar serangan virus Zel ke atas program ayahnya. Banyak penyaringan istilah dunia komputer seperti *Apple Macintosh Powerbook 165c*, *33 megahert*, *Vancall Logic* dan *cursor*. Hal ini dikerjakan Mawar Safei sebagai satu bentuk strategi dalam mencipta identiti tersendiri dan bersaing dalam mencipta nama menerusi pendobrakan isu, persoalan, tema atau latar cerita yang bertentangan dengan konvensional (Mawar Safei, 2014). Latar peribadi sebagai mahasiswa yang mengambil jurusan geografi mengarah kepada keakuran untuk meluaskan horizon pemikiran menerusi pembacaan, termasuklah sains komputer. Cerpen ini juga merupakan medan percubaan bagi Mawar Safei dalam menghasilkan karya yang dihiasi aspek kebahasaan yang rencam, sehinggakan pada akhirnya memicu kepada saratnya penggunaan perkataan bahasa Inggeris. Cerpen ini dikesani terapung antara ilusi dan realiti apabila pengarang mengenangkan kelogikan dan kekreatifannya dalam mencipta program ZQ1308, yang hakikatnya merupakan tarikh lahir suaminya Zaharuddin, bekas teman sekuliah kursus fakulti.

Cerpen “Zel” bagaimanapun cuba merungkai sisi berbeza. Rata-rata cerpen ini mengangkat “suara penentangan” Mawar Safei yang mewakili kaum wanita terhadap isu gender. Feminisme sastera Melayu menyaksikan kemelut keberadaan wanitanya, masih berbalam dalam perjalanan sastera Melayu. Tidak banyak karya yang membawa watak idaman feminis. Tidak mahu dianggap sebagai mewakili golongan feminisme, Mawar Safei mengungkapkan ia hanyalah sekadar menyuarakan “hak perseorangan” terhadap wanita yang perlu didamaikan pemilikannya. Mawar Safei (2015) turut berpengalaman meneliti ketekalan rumus “wanita yang ditampilkan, wanita yang dimenangkan” dalam novel *Menongkah Lumrah* karya Azman Nordin.

Berbicara tentang watak Zelda yang merupakan seorang pelukis, Mawar Safei tidak menafikan kemungkinan watak ini diilhamkan daripada mantan penyelia tesisnya, Sasterawan Negara Prof. Datuk Dr. Siti Zainon Ismail, yang merupakan sarjana sasterawan dan seni lukis. Hal ini kerana, dalam proses penciptaan cerpen peringkat awal, persekitaran iaitu kenalan rapat memainkan peranan dalam mencetuskan ilham pengkaryaan. Pengarang dilihat mencabar pengetahuan dalam mentafsir metafora dan perlambangan seperti garisan dan warna yang digunakan. Sementara dunia arkeologi pula digarap berdasarkan pengalaman peribadi sebagai mahasiswa yang gemar membaca beberapa tulisan tentang tapak-tapak penggalian misalnya *Kurier UNESCO*.

Dapat dikatakan bahawa, kedua-dua cerpen ini mengekalkan keterikatan penulis-khalayak-karya. Proses penulisan cerpen ini mempunyai hubungan langsung antara “Virus Zel Untuk Abah” dan “Zel” misalnya menerusi watak Zel itu sendiri. Nama Zelda yang dianggap “menguji” dan “berkesan” sebenarnya diinspirasikan daripada sebuah rancangan dokumentasi tentang alam sekitar di televisyen (Mawar Safei, 2014). Dikatakan pemilihan watak dan profilnya adalah kerana ia begitu akrab dengan peribadi, pembacaan dan persekitaran. Konflik dendam kesumat dan pergolakan jiwa masih diangkat walaupun berbeza dari segi pemeragaan watak perempuan dewasa yang lebih rasional dalam menghadapi kemelut kerjaya, berbanding keracauan jiwa watak remaja yang bergelumbang dengan konflik keluarga dalam cerpen awal.

KESIMPULAN

Mawar Safei mengujarkan perhatian serta kebimbangannya terhadap pertelingkahan dan konflik yang wujud dalam diri individu, keluarga, rakan serta persekitaran tempat kerja. Cerpen “Zel” dan “Virus Zel Untuk Abah” merupakan suatu medan bagi pengarang bagi meluahkan segala perasaan dan mencurahkan pengalaman yang dialami untuk membuka mata masyarakat mengenai isu-isu

yang berlaku dalam masyarakat hasil daripada pengalaman dan pemerhatiannya. Segalanya diketengahkan melalui pergolakan jiwa yang dialami oleh watak wanita yang merupakan suatu manifestasi daripada pergolakan jiwa pengarang terhadap isu-isu yang berlaku dalam masyarakat, khususnya wanita kini.

RUJUKAN

- Ab. Aziz Yusuf (2003). *Komunikasi Untuk Pengurus*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributor Sdn. Bhd.
- Abdul Mua'ti@Zamri Ahmad. (2016). *Psikologi dalam Komunikasi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abd. Rahman Abdul Aziz (2000). *Kemahiran Sosial Asas*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributor Sdn. Bhd.
- Ahmed Thalal Hassan. (2015). *Gaya Bahasa Komunikasi Rasulullah s.a.w Dengan Wanita Kebanyakan*. Kota Bharu: Penerbit Universiti Malaysia Kelantan.
- Asmak Hj. Ali. (2001). *Salah Laku Sosial Remaja Masa Kini: Cabaran Dan Penyelesaiannya. Institusi Keluarga Menghadapi Cabaran Alaf Baru*. Pahang: PTS Millenia Sdn. Bhd.
- Basri Ibrahim. (2015). *Psikologi Rasulullah s.a.w dalam Berinteraksi dengan Masyarakat*. Batu Caves: Al- Hidayah Publication.
- Deutsch, Morton. (1990). Sixty Years of Conflict. *International Journal of Conflict Management*. Vol (1):237-263.
- Faridah Serajul Haq dan Lilia Halim (2002). *Development Of Interpersonal Skill Among Trainee Teachers*. Kuala Lumpur: Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hashim Fauzy Yaacob. (2001). *Komunikasi Antara Manusia*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Haslina Halim. (2018). *Komunikasi dalam Konteks Budaya Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hasmawani Muhammad. (2012). *Konflik Intrapersonal dan Interpersonal dalam Novel Daun*. Latihan Ilmiah. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Henry Guntur Tarigan. (1984). *Pengajaran Gaya Bahasa*. Bandung: Penerbit Angkasa.
- Mana Sikana. (1998). *Teori dan Pendekatan Kritikan Sastera Moden*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Mana Sikana. (2004). *Proses Penulisan Kreatif*. Singapura: EDN Media.
- Ma'rof Redzuan, Haslinda Abdullah. (2004). *Psikologi*. Kuala Lumpur: McGraw Hill.
- Mawar Safei dan Tuan Rusmawati (2020). *Daun Sebagai Wahana Komunikasi dalam Kesusasteraan Melayu*. *Jurnal Komunikasi*, Jilid 36(3): 157-175.
- Mawar Safei. (2014). *Inilah Karangan Saya: Narasi Penciptaan Cerpen*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mawar Safei. (2015). *Konflik Komunikasi dari Bercak Ke Menongkah Lumrah Karya Azmah Nordin*. *Malaysian Journal of Communication*. Jilid 31(2): 169-182.
- McQuil, D. 1975. *Communication*. London: Longman.
- Miranda Steel. (2003). *New Oxford English-English-Malay Dictionary*. Shah Alam: Oxford Fajar Sdn Bhd.
- Mohd Foad Sakdan. (2005). *Pengurusan Konflik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Mohd Shaffie. (1991). *Metodologi Penyelidikan Edisi Kedua*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Yusof Hussain (1990). *Dua Puluh Lima Soal Jawab Mengenai Komunikasi Islam*. Serdang: Pusat Pengembangan dan Pendidikan Lajutan Universiti Pertanian Malaysia.
- Moleong, Lexy J. (2004). *Metodologi Penelitian Kualitatif*. Bandung: Remaja Rosdakarya.
- Noresah Baharom (edt). (2007). *Kamus Dewan Bahasa Edisi Keempat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nor Hasimah Ismail. (2014). *Konflik Jiwa Watak-Watak Wanita dalam Novel Pilihan Fatimah Busu*. Disertasi Ijazah Doktor Falsafah. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Nur Hanani Najwa Md Khari dan Che Abdullah Che Ya. (2018). Analisis Konflik dalam *Lara*: Satu Pendekatan Psikologi. *Jurnal Wacana Sarjana*. Jilid 2(1), 1-18.
- Rahman Shaari. (1985). *Memahami Istilah Sastera*. Kuala Lumpur: Karya Bistari Sdn. Bhd.
- Rosnah Baharuddin. (2003). *Wacana Wanita dan Sastera*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Samsudin A. Rahim. (2001). Media Dan Identiti Budaya: Membangunkan Industri Kandungan Tempatan Yang Berdaya Tahan. *Jurnal Komunikasi*. Jilid 17: 67-80.
- Sapora Sipon & Ruhaya Hussin. (2011). *Teori Kaunseling dan Psikoterapi Edisi Kedua*. Nilai: USIM.
- Sarwono, S.S. (2014). *Teori-Teori Psikologi Sosial*. Depok: Rajagrafindo Persada.
- Shamsuddin Abdul Rahim. (1993). *Komunikasi Asas*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sheikh Othman Sheikh Salim (edt). (2007). *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Siti Hawa Haji Salleh. (2002). *Kesusasteraan Melayu Abad Kesembilan Belas*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Stuart Oskamp and Mark Costanzo (edt). (1993). *Gender Issues in Contemporary Society*. Thousand Oaks: Sage Publications.
- Syed Arabi Idid. (1998). *Kaedah Penyelidikan Komunikasi dan Sains Sosial*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Turow, J. (2010). *Media today: An Introduction to Mass Communication*. New York: Routledge.
- Tjosvold, Dean. (1993). *Learning To Manage Conflict: Getting People To Work Together Productively*. New York: Lexington Books
- Tri Rasa Setyaning. (2011). Analisis Konflik Dalam Naskah Drama Stell Karya Wolfgang Von Goethe Melalui Pendekatan Psikologi Sastra. Tesis Sarjana. Fakulti Bahasa dan Seni, Universiti Negeri Yogyakarta.
- _____. (1968). *International Encyclopedia of Social Science. Vol VII*. New York: Macmilan.
- Wellek. R. dan Warren. A. Dlm. Budiana (ptrj). (1995). *Teori Kesusasteraan*. Jakarta: Gramedia.

<https://www.pressreader.com/malaysia/berita-harian-malaysia/20200802/282230898028172>

Biodata Penulis:

Tuan Rusmawati Raja Hassan (PhD) merupakan pensyarah di Pusat Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insan di Universiti Malaysia Kelantan. Beliau merupakan lulusan Ijazah Doktor Falsafah (Kesusasteraan Melayu) dari Universiti Kebangsaan Malaysia. Berpengalaman mengajar sastera Melayu di Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang. Hasil penulisan tersiar dalam Jurnal Komunikasi, Jurnal Geografia, Jurnal Melayu, Jurnal Malay Literature dan Jurnal RUMPUN Melayu.

Nooratikah Bt Daud merupakan lulusan Sarjanamuda Sastera dengan kepujian (Kesusasteraan Melayu), UPM.